

**PERANAN DAN SUMBANGAN MAC CUU  
DAN MAC THIEN TICH DI HATIAN DAN  
SELATAN VIETNAM PADA ABAD KE-17  
HINGGA ABAD KE-18  
(*THE ROLE AND CONTRIBUTION OF MAC CUU AND  
MAC THIEN TICH IN HATIAN AND SOUTHERN  
VIETNAM FROM THE 17<sup>TH</sup> TO 18<sup>TH</sup> CENTURIES*)**

Ong Kui Hua  
Department of History  
Faculty of Arts and Social Sciences  
University of Malaya  
(josephineongmalaysia@yahoo.com)

**Abstract**

The immigration of the Chinese to Vietnam can be traced to the Han Dynasty when Emperor Han Wu Ti (140 BC-87 BC) sent General Lu Po-te to conquer Nam Yueh (Vietnam or Nam-Viet) in the 111BC. Subsequent waves of Chinese migration to Vietnam took place whenever there was major political turbulence taking place in China. The mass migration of Chinese to southern Vietnam occurred in 1644 after the fall of Ming dynasty. The migration of Chinese to southern Vietnam after the fall of Ming dynasty in 1644 had more profound effect on the historical and demographical development in southern Vietnam. This wave of migration in the 17th century coincided with the southward expansion of the Vietnamese under the Nguyen family. The Nguyen who also began to utilize them in the process of territorial and political expansion program accepted the new arrivals from China. This research paper focuses on the role and contribution of Chinese immigrants named Mac Cuu and his son Mac Thien Tich who refused to bow in obedience to the Qing government in China who migrated along with 400 army offices, soldiers and family members to Hatian in southern Vietnam in 1671. This immigration gave a deep impression in history demographic development in Hatian and southern Vietnam. This research paper is essential in two aspects. Firstly, until now there has not been a specific research about the

settlements of the Chinese people in Hatien. Secondly, this research demonstrates the contribution of Mac Cuu and Mac Thien Tich in Hatien in the 17 century and 18 century in the effort to assist the Nguyen rulers to achieve their aim of widening their power in southern Vietnam. This research paper will furnish a new dimension to the history of the Chinese people in Hatien particularly and to Vietnamese history in general. From the point of resource usage, the first Chinese resource such as *Hai Wai Ji Shi* (Overseas National Record), *An Nam Xian Shi Yong* (Ten Scenarios Hatien, Annam), *Ha Tien Tran Hiep Mac Thi Gia Pha* (Genealogy of the Mac Family in Hatien) dan *Gia Dinh Thanh Thong Chi* (Gia Dinh History) were referred. Meanwhile, the Vietnamese documents, which have been published in *Su Hoc* (Historical Studies), will also be reference materials. In addition, fieldwork was done at the tomb and graves of Mac Cuu and Mac Thien Tich as well as Mac family mausoleum at Hatien, Delta Mekong.

*Keywords: Vietnam, Southern Vietnam, Hatien, Mac Cuu, Mac Thien Tich*

## **Pengenalan**

Penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam dapat dikesan sejak dinasti Han apabila Maharaja Han Wu Ti (140BC - 87BC) menghantar Jeneral Lu Po-te untuk menakluki Nan Yueh (Vietnam atau Nam-Viet) pada tahun 111B (Ky, 1963, hlm.2). Akibatnya, Nam-Viet menjadi sebahagian daripada empayar China sehingga tahun 938M (SarDesai, 1992, hlm.2). Sejak daripada waktu itu, orang Cina mula berhijrah ke Vietnam setiap kali ada pergolakan politik di China (Hai, 1981, hlm.117).

Kegiatan imigrasi orang Cina ke selatan Vietnam semakin ketara pada abad ke-16 akibat daripada ketidakstabilan politik dan ekonomi di China. Pada awal abad ke-16, selepas beberapa sekatan dikenakan pada penganut agama Katolik di China, ramai orang Cina telah melarikan diri ke selatan Vietnam untuk mengelakkan diri daripada ditindas oleh kerajaan China (Thuy, 2000, hlm.7). Kedatangan orang Cina di selatan Vietnam telah diterima oleh Gabenor Nguyen Hoang yang memerintah selatan Vietnam pada tahun 1558. Penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam secara besar-besaran berlaku selepas kejatuhan dinasti Ming pada tahun 1644 kerana digulingkan oleh kerajaan Manchu yang mendirikan dinasti Qing (1644-1911).

Pada tahun 1671, imigran Cina yang bernama Mac Cuu yang enggan memberi taat setia kepada kerajaan Qing di China telah berhijrah bersama 400

orang pegawai tentera, askar dan ahli keluarganya ke Hatien di selatan Vietnam (河仙镇叶镇郑氏家谱, n.d., hlm. 1a-4). Penghijrahan tersebut telah memberi kesan yang mendalam dalam sejarah dan perkembangan demografi di Hatien dan selatan Vietnam. Penghijrahan orang Cina ke Hatien pada abad ke-17 berlaku serentak dengan perluasan kuasa politik oleh pemerintah Nguyen ke selatan Vietnam. Sehubungan itu, para pemerintah Nguyen telah menggunakan imigran Cina ini untuk membantu mereka dalam perluasan kuasa di selatan Vietnam.

Berdasarkan kajian-kajian yang sedia ada, hampir kesemuanya membincangkan komuniti Cina di selatan Vietnam. Buat masa ini, hanya karya Dong Ho, *Ha Tien Tap Canh* yang membincangkan perkembangan kebudayaan di Hatien. Oleh yang demikian, kajian ini berfokus pada peranan Mac Cuu dan Mac Thien Tich di Hatien pada abad ke-17 hingga abad ke-18.

Penulisan ini penting dalam dua aspek. Yang pertama, setakat ini belum ada kajian khusus tentang kediaman orang Cina di Hatien. Yang kedua, penulisan ini akan mengkaji peranan dan sumbangan Mac Cuu dan Mac Thien Tich di Hatien terutamanya dalam usaha membantu para pemerintah Nguyen mencapai matlamat mereka dalam perluasan kuasa di selatan Vietnam. Penulisan ini akan membekalkan dimensi baru kepada penulisan sejarah orang Cina di Hatien secara khasnya dan kepada sejarah Vietnam secara amnya.

Dari segi penggunaan sumber, sumber pertama China seperti *Hai Wai Ji Shi* (Rekod Negara Seberang Laut), *An Nam Xian Shi Yong* (Sepuluh Pemandangan di Hatien, Annam), *Ha Tien Tran Hiep Mac Thi Gia Pha* (Genealogi Keluarga Mac di Hatien) dan *Gia Dinh Thanh Thong Chi* (Sejarah Gia Dinh) akan dirujuk. Sementara dokumen-dokumen Vietnam yang telah diterbitkan dalam *Su Hoc* (Pengajian Sejarah) juga merupakan bahan rujukan. Selain itu, kerja lapangan juga dilakukan di tapak perkuburan makam Mac Cuu dan Mac Thien Tich serta tokong keluarga Mac di Hatien, Delta Mekong.

## **Kawasan Petempatan Orang Cina di Hatien**

Sejarah kewujudan ramai orang Cina di Hatien yang berada di selatan Vietnam merupakan hasil pergolakan politik dan kesengsaraan hidup di China, terutamanya selepas kerajaan Ming digulingkan oleh kerajaan Qing pada tahun 1644. Mereka melarikan diri ke Hatien untuk mencari perlindungan politik. Mereka ini terdiri daripada para pedagang, tentera, artisan dan ahli perubatan (Anh, 2002, hlm. 106). Kebanyakan orang Cina yang berhijrah ke selatan Vietnam adalah berasal dari wilayah Fujian, Guangdong dan Zhejiang (Anh, 2002, hlm. 104).

Menurut catatan Da Shan, seorang sami Buddha yang berkhidmat di istana Nguyen, sejak gabenor Nguyen Hoang mendirikan kerajaan di Thuan Hoa pada tahun 1558, ramai orang Cina telah berhijrah ke selatan Vietnam untuk menjalankan kegiatan penerokaan. Malah orang Cina yang berada di selatan Vietnam menggelar diri sebagai “*Ming Ren*” (orang dinasti Ming) atau “*Da Ming*” (*Great Ming*). Ini membuktikan bahawa orang Cina telah tinggal di selatan Vietnam untuk beberapa generasi (大汕, 2000, hlm. 7).

Pada tahun 1671, lebih kurang 400 orang imigran Cina di bawah pimpinan Mac Coo telah berhijrah ke Hatien (Hai, 1992, hlm. 25-26; Lien, 2007, hlm. 11). Mac Coo yang dilahirkan pada 6 November 1655 merupakan seorang pedagang berketurunan Guangdong. Beliau berasal dari Leizhou, Guangdong. Beliau pernah membantu Zheng Chengong dalam menjalankan perdagangan antarabangsa. Zheng Chengong berketurunan Chaozhou. Beliau merupakan bekas Jeneral dinasti Ming yang memimpin rakyat China menentang kerajaan Qing pada pertengahan abad ke-17 tetapi gagal (Long, hlm. 109). Disebabkan Mac Coo enggan memberi taat setia kepada kerajaan Qing, beliau meninggalkan negara China dan berhijrah ke Hatien di selatan Vietnam (潘, 2006, hlm. 75).

Menurut catatan Trich Hoai Duc (n.d.) dalam *Gia Dinh Thanh Thong Chi*, Hatien merupakan tanah jajahan Kambojia. Ia juga dikenali sebagai Manh Kham. Pada abad ke-18, Hatien meliputi wilayah An Giang dan Kien Giang (潘, 2006, hlm. 75). Dalam surat yang ditulis oleh paderi Chevreui pada tahun 1665, ramai orang Cina dan orang Vietnam tinggal di ibu kota Kambojia iaitu Phnom Penh. Menurut beliau, keadaan yang sama turut berlaku di Hatien. Sebelum kedatangan Mac Coo dan pengikutnya ke Hatien pada tahun 1671, sudah wujudnya komuniti Cina di Hatien. Namun Hatien pada waktu itu merupakan kawasan terbiar.

Kehadiran orang Cina di Hatien telah mewujudkan kampung *Minh Huong* di sini. *Minh Huong* merujuk keturunan Cina-Vietnam yang berkongsi hidup di kampung *Minh Huong* (Chingho, 1974, hlm. 35-36). Pada abad ke-18, orang Khmer dari muara Sungai Mekong dan penduduk lain dari utara Vietnam turut berhijrah ke Hatien untuk memulakan kehidupan baru di sini (潘, 2006, hlm. 75-76). Menurut *Dai Nam Thuc Luc*, jumlah orang Cina yang menetap di Nam Ky (selatan Vietnam) pada tahun 1819 adalah sebanyak 97,100 orang (Anh, 2002, hlm. 105). Namun, bilangan orang Cina yang tinggal di Hatien pada tahun 1819 hanya 1,500 orang sahaja. Walaupun jumlah orang Cina di Hatien tidak banyak, namun mereka telah memainkan peranan penting dalam memajukan Hatien sehingga ia menjadi sebuah pelabuhan antarabangsa yang terkenal.

## **Mac Cuu dan Perluasan Kuasa di Hatien**

Menjelang pertengahan abad ke-17, berlakunya banyak pemberontakan menentang kerajaan Qing di China. Di kalangan tentera yang menentang kerajaan Qing ialah seorang pemuda bernama Mac Cuu (1655-1735) yang berumur 17 tahun, berasal dari Leizhou, Guangdong, China.

Pada tahun 1671, Mac Cuu yang enggan memberi taat setia kepada kerajaan Qing telah melarikan diri ke selatan Vietnam untuk mencari perlindungan politik (Dossier, 1978, hlm. 20). Beliau memimpin lebih kurang 400 orang pegawai tentera, askar dan ahli keluarganya berhijrah dari China dan sampai di persisiran pantai Cao Men, Kambodia. Di sini, Mac Cuu mendirikan kerjaya beliau sebagai pedagang dan mengumpul kekayaan di sini. Kemudian Mac Cuu bersama pengikutnya berhijrah ke Hatien di wilayah Kien Giang, dataran Mekong yang merupakan tanah jajahan Kambodia. Pada waktu itu, Hatien dikenali sebagai Mang Kham (河仙镇叶镇郑氏家谱, n.d., hlm. 1a-4b; 郑, n.d., hlm. 206, 303; 潘, 2006, hlm. 13; Xinh, 1997, hlm. 17; Dossier, 1978, hlm. 20).

Sebelum bertapak di Oudong iaitu ibu negeri Kambodia, Mac Cuu merupakan seorang pedagang yang kaya dan aktif di persisiran laut Asia Tenggara. Beliau pernah berdagang di Filipina dan Indonesia. Semasa Mac Cuu berada di Oudong, beliau disambut baik oleh Raja Chey Chetta III. Mac Cuu berjaya mendapat kepercayaan daripada raja, maka beliau telah dilantik oleh Raja Chey Chetta III untuk menguruskan hal ehwal perdagangan di Kambodia. Namun, cita-cita Mac Cuu adalah untuk mentadbir Hatien. Maka Mac Cuu telah memberi rasuah kepada Raja Chey Chetta III untuk memerintah Hatien. Pada tahun 1681, Raja Chey Chetta III telah melantik Mac Cuu sebagai okna yang bermaksud pegawai tempatan untuk mentadbir Panthaimas yang juga dikenali sebagai Mang Kham atau Hatien yang merupakan tanah jajahan Kambodia (李, 2010, hlm. 184; Wong, 2003, hlm. 295). Dikatakan bahawa terdapat bidadari di sungai, maka Mac Cuu menamakan Panthaimas sebagai Hatien yang bermaksud Sungai Bidadari. Dalam bahasa Khmer, Panthaimas juga dikenali sebagai Bam atau Pam atau Peam yang bermaksud pelabuhan. Manakala orang Barat memanggil Mang Kham sebagai Can Cao atau Cancar atau Panthaimas. Oleh yang demikian, Hatien juga dipanggil sebagai kerajaan pelabuhan (李, 2010, hlm. 184-185).

Setelah bertapak di Hatien, Mac Cuu bersama orang Cina, orang Vietnam dan orang Khmer berusaha meneroka dan membangunkan Hatien (河仙镇叶镇郑氏家谱, n.d., hlm.1a-4; Xinh, 1997, hlm. 17). Dalam tempoh kira-kira

20 tahun, Hatien berkembang maju daripada pelabuhan mundur kepada pelabuhan perdagangan yang makmur di Teluk Siam. Ramai pedagang dan peneroka Cina tertarik dengan tawaran tanah percuma dan peluang perdagangan yang tidak terhad di Hatien (Wong, 2003, hlm. 296).

Penduduk Hatien hidup dalam keadaan yang aman dan damai. Mereka juga telah menguasai ilmu penanaman (安南河仙十咏, n.d.). Justeru itu, Hatien berkembang maju dalam kegiatan pertanian, perusahaan seni dan perdagangan. Akhirnya Hatien menjadi sebuah bandar dan pelabuhan antarabangsa yang makmur di bawah pemerintahan Mac Coo (Morice, 1997, hlm. 57). Hatien merupakan pusat petempatan orang Cina yang ketiga di selatan Vietnam (潘, 2006, hlm. 13).

Pada tahun 1706, kedudukan Mac Coo sebagai gabenor diancam oleh tentera Siam di bawah pimpinan Raja P'rachao Sua (1703-1709). Tentera Siam menakluki Hatien. Akibatnya Mac Coo dan keluarganya dibicarakan di mahkamah Siam di Ayudhya. Setelah tinggal di Siam selama dua tahun, Mac Coo berjaya melepaskan diri dan kembali ke Hatien. Mac Coo telah dinasihati oleh seorang pegawai bawahannya yang bernama To Quan (Su Jian) untuk mendapatkan perlindungan daripada pemerintah Nguyen di selatan Vietnam untuk menentang Siam. Menurut To Quan, orang Khmer adalah lemah dalam sahsiah dan terdorong kepada penipuan dan kurang taat setia. Oleh yang demikian, To Quan menasihati Mac Coo jangan terlalu bergantung pada orang Khmer. Beliau harus mendapat perlindungan politik daripada pemerintah Nguyen untuk mengukuhkan kedudukannya di Hatien. Maka pada tahun 1711, Mac Coo menghantar dua orang saudaranya yang bernama Zhang Jiu dan Li She untuk menghadap pemerintah Nguyen untuk meminta perlindungan. Cadangan Mac Coo diterima oleh pemerintah Nguyen Phuc Chu (Wong, 2003, hlm. 296).

Pada tahun 1708 apabila Hatien diserang oleh Siam, Mac Coo yang dilantik oleh orang Khmer sebagai gabenor Hatien telah meminta perlindungan dan bantuan tentera daripada pemerintah Nguyen Phuc Chu di selatan Vietnam untuk menentang serangan daripada Siam. Akhirnya mereka berjaya mengalahkan tentera Siam.

Pada tahun 1714, Mac Coo pergi ke Phu Xuan untuk memberi penghormatan kepada pemerintah Nguyen Phuc Chu. Melalui lawatan tersebut, Mac Coo dilantik oleh pemerintah Nguyen Phuc Chu sebagai *Tong Binh* atau komander tentera untuk memerintah Hatien bagi pihak pemerintah Nguyen Phuc Chu dengan pangkat gabenor (*Do Doc*). Walaupun tindakan ini mendapat bantahan daripada Kambojia namun Hatien tetap dijadikan sebahagian daripada tanah jajahan pemerintah Nguyen di selatan Vietnam (河

仙镇叶镇郑氏家谱, n.d., hlm.1a- 4b; 郑, , n.d., hlm. 206, 303; Wong, 2003, hlm. 297). Tindakan pemerintah Nguyen Phuc Chu dilihat sebagai satu strategi untuk meluaskan kuasa beliau di Hatien. Sebagai balasan, Mac Cuu perlu membayar ufti kepada kerajaan Nguyen pada setiap tahun (Khanh, 1993, hlm. 15-16). Maka bermulanya lembaran baru dalam sejarah perhubungan antara Mac Cuu dengan pemerintah Nguyen di selatan Vietnam. Pemberian jawatan gabenor kepada Mac Cuu melambangkan bermulanya hubungan ufti antara Mac Cuu yang dianggap sebagai pemerintah yang kurang entiti perlu menghantar ufti kepada pemerintah Nguyen di selatan Vietnam. Justeru itu, Hatien dengan serta-mertanya terletak di bawah kuasa perundangan pemerintah Nguyen.

Walaupun Mac Cuu telah mengakur kepada istana Nguyen, namun pada waktu yang sama, Mac Cuu juga menghantar ufti kepada istana Kambodia di Lovek. Langkah yang diambil oleh Mac Cuu ini boleh dilihat sebagai satu strategi yang unik untuk menyelamatkan kuasanya di Hatien dalam suasana politik yang huru-hara di Asia Tenggara pada waktu itu. Bagi Mac Cuu, pengakuan kuasa, sumpah taat setia dan penghantaran ufti kepada pemerintah Nguyen Phuc Chu di selatan Vietnam dan istana Kambodia merupakan kenyataan yang praktikal malah ia tidak menjejaskan kuasa beliau di Hatien. Walaupun dari segi teori, Hatien telah dianggap sebagai tanah jajahan selatan Vietnam. Namun, Hatien tetap menikmati kemerdekaan sepenuhnya daripada selatan Vietnam kerana Mac Cuu tetap mempunyai kuasa yang besar untuk mentadbir Hatien. Keadaan ini wujud kerana kelemahan tentera Kambodia dan pergolotan kuasa di kalangan golongan elit sendiri. Walaupun Kambodia menentang perlantikan Mac Cuu sebagai *Tong Binh* di Hatien, namun pergolakan politik yang berlaku di Kambodia menyebabkannya tidak mampu mengambil sebarang tindakan yang berkesan (Wong, 2003, hlm. 298).

Bagi pemerintah Nguyen Phuc Chu di selatan Vietnam, walaupun beliau mempunyai angkatan tentera yang kuat, namun beliau juga tidak mampu meluaskan kuasanya terlalu jauh dari kem tenteranya di Gia Dinh iaitu kira-kira 200 km dari Hatien. Pada waktu yang sama, Mac Cuu juga tidak ingin mengambil risiko dalam hal ini. Oleh yang demikian, Mac Cuu mengambil jalan yang selamat dengan mewujudkan hubungan berbaik-baik dengan pemerintah Nguyen dan istana Kambodia melalui penghantaran ufti. Maka wujudlah pola diplomasi tradisional sebegini di dalam kawasan.

Mac Cuu berhenti menghantar ufti kepada istana Kambodia selepas tahun 1714. Sejak itu, Mac Cuu memberi taat setia sepenuhnya kepada pemerintah Nguyen di selatan Vietnam. Dalam membincangkan kedudukan Mac Cuu dan Hatien di bawah pemerintah Nguyen, wujudnya tanggapan yang

berbeza antara Mac Coo dan pemerintah Nguyen berkaitan dengan hal ini. Keluarga Mac Coo dan pengikutnya menganggap Hatien sebagai kerajaan taklukan pemerintah Nguyen. Namun kepada pemerintah Nguyen, Hatien dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada kerajaan Nguyen sebagaimana Mac Coo memberikannya kepada pemerintah Nguyen dan bukan sebagai kerajaan yang membayar ufti. Idea ini diperkukuhkan lagi melalui pemberian kuasa autonomi oleh pemerintah Nguyen kepada gabenor Mac Coo untuk mentadbir Hatien walaupun Hatien di bawah perlindungan pemerintah Nguyen. Dengan jaminan perlindungan daripada pemerintah Nguyen, maka Mac Coo mula memberi fokus pada bidang perdagangan untuk membina semula Hatien (Wong, 2003, hlm. 298-299).

Mac Coo mempunyai kuasa politik yang besar untuk mentadbir Hatien. Beliau mempunyai pasukan tentera dan pegawai sendiri. Mac Coo juga diberi kebebasan untuk mengadakan hubungan politik dengan negara lain dan mempunyai ekonomi yang bebas dan berdikari. Pada waktu yang sama, Mac Coo juga mengakui kuasa pentadbiran pemerintah Nguyen di selatan Vietnam untuk mengukuhkan kedudukan beliau di Hatien (李, 2010, hlm. 176; 李, 2013, hlm. 179-218). Malah kemajuan perdagangan di Hatien telah menyumbang sumber kewangan yang lumayan kepada pemerintah Nguyen di selatan Vietnam untuk membeli alat senjata yang moden untuk menentang kerajaan Trinh di utara Vietnam (潘, 2006, hlm. 75-76).

Mac Coo menerima golongan pengembara atau orang yang dibuang negeri terutamanya dari wilayah Quang Nam, Quang Ngai serta semua orang Champa (*Cham*) untuk tinggal di Hatien. Beliau mewajibkan penduduk baru ini meneroka hutan, menjalankan kegiatan pertanian, mendirikan rumah dan menjadikan pelabuhan Hatien sebagai tempat persinggahan kapal-kapal layar. Kesannya banyak kapal layar telah berlabuh di pelabuhan Hatien. Pada waktu itu, Hatien dikenali sebagai "Guangzhou Kecil" (Baoyun, 1992, hlm. 166, 171-172; Thuy, 2000, hlm. 10). Kejayaan ini telah membuktikan kebijaksanaan Mac Coo dalam memerintah Hatien dan sumbangan beliau dalam memajukan ekonomi Hatien.

Pada tahun 1717, pasukan tentera Siam yang terdiri daripada 50,000 orang dan 20,000 orang tentera laut telah menyerang Hatien tetapi berjaya dipatahkan oleh tentera pemerintah Nguyen. Namun, tentera Siam berjaya merampas khazanah Hatien sebelum mereka meninggalkannya (Wong, 2003, hlm. 300). Akibatnya, Hatien terpaksa dibina semula oleh Mac Coo.

Pada tahun 1724, Mac Coo membuat lawatan terakhir untuk menghadap pemerintah Nguyen Phuc Chu. Kedatangan beliau disambut baik oleh pemerintah Nguyen Phuc Chu. Mac Coo sempat melihat kemakmuran



kawasan jajahannya sebelum beliau meninggal dunia pada tahun 1735 pada umur 78 tahun (Boudet, 1942, hlm. 123). Selepas kemangkatan Mac Cuu, pemerintah Nguyen Phuc Tru (1725-1738) yang mengganti bapanya Nguyen Phuc Chu sebagai pemerintah di selatan Vietnam telah mendirikan tugu peringatan untuk Mac Cuu sebagai peringatan jasa dan sumbangan Mac Cuu dalam mendirikan Hatien. Selain itu, pemerintah Nguyen Phuc Tru juga menganugerahkan Mac Cuu dengan pangkat Jeneral. Selepas kemangkatan Mac Cuu, pemerintah Nguyen Phuc Tru telah melantik anak sulung Mac Cuu yang bernama Mac Thien Tich (Mac Thien Tu) sebagai Komander Angkatan Laut dan Darat (*Do Doc*) untuk mentabir Hatien. Bagi pemerintah Nguyen Phuc Tru, beliau berharap perlantikan tersebut dapat mengekalkan taat setia Mac Thien Tich kepada kerajaan Nguyen di selatan Vietnam (Wong, 2003, hlm. 299-300). Maka Mac Thien Tich meneruskan kerjaya bapanya di Hatien.

### **Sumbangan Mac Thien Tich di Hatien**

Selepas Mac Cuu meninggal dunia pada tahun 1735, pemerintah Nguyen Phuc Tru (1725-1738) melantik anak sulung Mac Cuu yang bernama Mac Thien Tich (1710-1780) sebagai Komander Angkatan Laut dan Darat untuk memerintah Hatien. Tujuan pemerintah Nguyen Phuc Tru berbuat demikian adalah supaya Mac Thien Tich memberi taat setia kepada beliau. Selain itu, pemerintah Nguyen Phuc Tru juga menghadiahkan Mac Thien Tich tiga buah kapal laut yang bernama "*Dragon Seal Ship*" yang bertujuan membolehkan Mac Thien Tich mengumpul dan membeli barang-barang berharga untuk dihadiahkan kepada istana Nguyen. Ketiga-tiga buah kapal tersebut dikecualikan daripada cukai (Wong, 2003, hlm. 300).

Selain itu, pemerintah Nguyen Phuc Tru juga memberi kuasa autonomi yang besar kepada Hatien dengan membenarkan Mac Thien Tich menggunakan zink yang dikenali sebagai "*sapèques*" untuk membuat mata wang sendiri dengan nilai yang kecil. Sistem piawaian ini telah memperkukuhkan kuasa autonomi Hatien. Sebagai tanda penghormatan dan pengakuan kuasa pemerintah Nguyen Phuc Tru, maka kerajaan Mac Thien Tich di Hatien perlu menghantar ufti bernilai 3,000 quan setiap tiga tahun dan 300 quan setiap tahun kepada istana Nguyen (Wong, 2003, hlm. 301).

Hatien di bawah pemerintahan Mac Thien Tich menjadi semakin kuat. Beliau mengamalkan hubungan yang baik dengan pemerintah Nguyen di selatan Vietnam. Hubungan yang erat ini telah menguntungkan kedua-dua belah pihak. Bagi Mac Thien Tich, beliau dapat mentadbir Hatien dengan baik dan mengukuhkan kedudukannya di Hatien selagi beliau mengakui kuasa

pemerintah Nguyen dan Hatien dijadikan sebagai sebahagian daripada tanah jajahan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam. Sementara bagi pihak pemerintah Nguyen pula, selagi Mac Thien Tich mengakui kuasa pemerintah Nguyen, maka ia dapat membantu pemerintah Nguyen mengukuhkan kedudukannya di selatan Vietnam walaupun perlu melalui kuasa proksi (Wong, 2003, hlm. 301).

Mac Thien Tich menjadikan sistem pentadbiran dinasti Ming sebagai model pentadbirannya di Hatien. Beliau menubuhkan jawatankuasa pentadbiran bandar untuk membuat dasar-dasar Hatien dalam bidang politik, ketenteraan dan ekonomi. Tujuannya adalah untuk memastikan segala pentadbiran di Hatien dapat dijalankan dengan lancar dan berjaya. Hasilnya, Hatien menjadi sebuah kawasan yang mempunyai sistem pentadbiran yang bersistematik, stabil dan maju (Baoyun, 1992, hlm. 172; Thuy, 2000, hlm. 10). Tidak lama kemudian, Mac Thien Tich telah memperluas tanah jajahannya dari Kampot sehingga Ca Man (Thuy, 2000, hlm. 10).

Sejauhmanakah Mac Thien Tich membantu kerajaan Nguyen meluaskan tanah jajahannya ke Kambodia ? Pada tahun 1757, apabila berlakunya perebutan kuasa di Kambodia, Mac Thien Tich berjaya memujuk pemerintah Nguyen Phuc Khoat (1738-1765) membantu Ang Ton menaiki takhta sebagai Raja Outey Reachea II (1758-1775) di Kambodia. Sebagai balasan, Raja Outey Reachea II telah menghadiahkan 5 kawasan di selatan Kambodia iaitu Takeo, Banteay Meas, Prek Patasy, Kampot dan pelabuhan Ream kepada Mac Thien Tich. Atas kesetiaan Mac Thien Tich terhadap kerajaan Nguyen, maka beliau telah menghadiahkan kelima-lima kawasan tersebut kepada kerajaan Nguyen. Kerajaan Nguyen meletakkan kelima-lima kawasan tersebut di bawah pentadbiran Hatien (庆新, 2013, hlm. 105; 许, 2001, hlm. 16). Justeru itu, tanah jajahan Hatien dan kerajaan Nguyen bertambah luas.

Ketaatan Mac Thien Tich dalam usaha membantu kerajaan Nguyen memang tidak dapat dinafikan. Pada tahun 1774, Mac Thien Tich meminta orang bawahan menghantar makanan kepada tentera kerajaan Nguyen apabila tentera utara Vietnam menyerang selatan Vietnam. Sementara pada tahun 1777, selepas tentera kerajaan Nguyen kalah kepada tentera Tay Son di Gia Dinh, Mac Thien Tich bekerjasama dengan tentera kawasan lain untuk berperang dengan tentera Tay Son. Kemudian apabila tentera Tay Son menyerang Tran Giang (Cantho) di delta Mekong, Mac Thien Tich meminta bantuan daripada Guangdong (China) untuk menentang musuh (许, 2001, hlm. 16-17).

Persoalan di sini ialah mengapakah Mac Thien Tich berusaha membantu kerajaan Nguyen untuk menentang Tay Son ? Menurut sarjana Shiu Wen-Tang, terdapat dua sebab utama. Yang pertama ialah Mac Thien Tich

dididik ajaran Konfucius sejak kecil, beliau tidak sanggup meninggalkan tuannya iaitu kerajaan Nguyen di selatan Vietnam untuk menghadapi masalah sendiri. Oleh yang demikian, ketaatan Mac Thien Tich kepada kerajaan Nguyen tidak pernah berubah. Sebab kedua ialah serangan tentera Tay Son terhadap kerajaan Nguyen di selatan Vietnam akan mengancam keselamatan Hatien. Seandainya kerajaan Nguyen kalah kepada Tay Son, sudah pasti keselamatan Hatien turut terancam. Oleh yang demikian, Mac Thien Tich bekerjasama dengan kerajaan Nguyen untuk menentang Tay Son (许, 2001, hlm. 17).

Selepas kerajaan Qing membenarkan semula perdagangan seberang laut pada tahun 1685, kegiatan perdagangan maritim antara Annam, selatan Vietnam dan China bertambah giat. Malah Mac Thien Tich juga mewujudkan hubungan yang erat dengan pelbagai lapisan masyarakat Guangdong di China semasa dinasti Qing. Para pedagang China yang datang berniaga di Hatien turut dilayan baik oleh Mac Thien Tich. Tindakan Mac Thien Tich telah berjaya menarik lagi ramai pedagang China untuk berdagang di Hatien.

Mac Thien Tich menggalakkan kegiatan perdagangan dan kraf tangan di Hatien. Beliau berusaha menggiatkan perdagangan antara Hatien dengan China, Semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan Indonesia. Hasil daripada usaha beliau, Hatien menjadi pelabuhan yang semakin hari semakin makmur dan maju di Asia Tenggara dengan mengekalkan gelaran Hatien sebagai "*A Little Guangzhou*" sejak pemerintahan bapanya Mac Cuu (庆新, 2010, hlm. 176). Hal ini membuktikan bahawa Mac Thien Tich telah memberi sumbangan yang amat besar dalam perkembangan dan kemajuan ekonomi Hatien.

Mac Thien Tich bukan sahaja dapat meneruskan kerjaya bapanya, malah berjaya menjadikan Hatien sebagai sebuah kawasan yang selesa untuk ditinggal. Beliau telah mengamalkan kebudayaan dinasti Ming di Hatien. Beliau membuka sekolah-sekolah dan kuil-kuil Konfucius untuk mengajar bahasa Cina sehingga Hatien muncul sebagai pusat kebudayaan dan intelektual pada abad ke-18 (Khanh, 1993, hlm. 16; Xinh, 1997, hlm. 17). Justeru itu, wujudnya sebuah masyarakat yang bersopan-santun dan berilmu pengetahuan di Hatien.

Para sarjana dan sami Buddha dari kawasan Fujian dan Quy Nhon telah menyahut seruan Mac Thien Tich untuk datang dan tinggal di Hatien yang makmur dan kaya. Pada tahun 1736, Mac Thien Tich telah mendirikan Akademi *Chieu Anh Cac* di Hatien sebagai pusat pertemuan para sarjana Konfucius yang bijaksana (Ho, 2006, hlm. 9-37). *Chieu Anh Cac* merupakan sebuah organisasi yang mengumpulkan para sasterawan dan penyajak dari pelbagai tempat untuk mengarang dan mendeklamasikan sajak. Tema utama sajak adalah berkaitan dengan keindahan pemandangan Hatien dan masyarakat. Mac Thien

Tich telah mempelawa para penyajak dari Phu Xuan, Quang Nam, Gia Dinh, Hatien dan Guangdong (China) datang ke *Chieu Anh Cac* untuk mengarang sajak dan bertukar pendapat di kalangan penyajak. Mac Thien Tich memanggil para sarjana Konfucius ini sabagai "*Thap Bat Anh*" yang bermaksud 18 orang sarjana kerana jumlah sarjana dalam akademi tersebut adalah 18 orang (潘, 2006, hlm. 84).

Mac Thien Tich telah memilih sepuluh buah tempat Hatien yang indah pemandangan untuk dijadikan tema sajak. Sepuluh buah tempat ini ialah *Jin Yu Lan Tao* (金屿栏涛), *Ping San Die Cui* (屏山叠翠), *Xiao Si Xiao Zhong* (箫寺晓钟), *Jiang Cheng Ye Gu* (江城夜鼓), *Shi Dong Tun Yun* (石洞吞云), *Zhu Yan Luo Lu* (岩落鹭), *Dong Hu Yin Yue* (东湖印月), *Nan Pu Cheng Bo* (南浦澄波), *Lu Shi Cun Ju* (鹿峙村居) dan *Lu Xi Yu Bo* (鲈溪渔泊) (安南河仙十咏 n.d.; Ho, 2006, hlm. 9-37).

Setiap sarjana menghasilkan beberapa buah sajak yang menggambarkan keindahan semula jadi Hatien dengan gaya penulisan tradisional. Mac Thien Tich menerima sebanyak 320 buah sajak daripada para penyajak. Pada tahun 1737, Mac Thin Tich mencetak sajak-sajak tersebut menjadi sebuah buku yang berjudul *Ha Tien Tap Vinh* (河仙十咏) (潘, 2006, hlm. 84-85). Bahasa utama yang digunakan untuk mengarang sajak adalah bahasa Cina. Terdapat dua jilid sajak yang dikarang oleh mereka dengan menggunakan bahasa Vietnam kuno (*Nom*) dan bahasa Cina (Thuy, 2000, hlm. 49). Sajak jilid bahasa Cina masih disimpan sehingga hari ini.

Mac Thien Tich bukan sahaja merupakan seorang pemerintah Hatien yang berkaliber, malah juga merupakan seorang penyajak yang handal. Beliau mengarang sebanyak 32 buah sajak yang berkaitan dengan *Lu Xi* (Sungai Lu, 鲈溪) dan menghasilkan dua buah koleksi sajak yang berjudul *Lu Xi Xian Diao 32 Shou* (鲈溪閒钓三十二首) dan *Lu Xi Xian Diao Fu* (鲈溪閒钓赋). Kemudian kedua-dua koleksi sajak tersebut dijadikan sebuah koleksi yang berjudul *Ming Bo Yi Yu* (溟渤遗渔) (陈, 1956, hlm. 93-94).

Selain itu, Mac Thien Tich merupakan seorang penyajak *nom* (bahasa Vietnam kuno) yang terkenal. Beliau mengarang sebuah sajak *nom* yang berjudul *He Xian Shi Jing Qu Yong* (河仙十景曲咏) sepanjang 422 baris (潘, 2006, hlm. 85). Kebijaksanaan Mac Thien Tich dalam *nom* adalah disebabkan oleh ibu dan isteri beliau merupakan orang Vietnam. Beliau sering kali mendengar ibunya Bui Thi Lam yang berasal dari Dong Mon (Bien Hoa) (Anh, 2002, hlm. 107) menyanyi lagu rakyat Vietnam sejak beliau kecil (Anh, 2002, hlm. 87). Sehubungan itu, beliau mempunyai perasaan yang mendalam terhadap Hatien dan tanahairnya, selatan Vietnam.

Dengan adanya *Chieu Anh Cac*, ia telah membekalkan ruang kepada para peminat sastera, penyajak dan cendekiawan untuk menjalankan aktiviti kesusasteraan. Selain daripada aktiviti mendeklamasikan sajak, *Chieu Anh Cac* juga mengadakan aktiviti seperti forum membincang isu semasa, mendirikan sekolah untuk kanak-kanak miskin dan golongan elit (Anh, 2002, hlm. 87).

Menurut seorang pengkaji sastera Vietnam yang bernama Li Zhi Yuan (黎智远):

*“Sajak Mac Thien Tich menggambarkan kehidupan yang diharapkan. Rakyat dan negara (Hatien) mempunyai impian yang indah dan realistik. Kehidupan rakyat penuh dengan kegembiraan, optimistik, berfikiran sihat, berkeyakinan, kebanggaan dan harmoni. Rakyat Hatien berfikiran terbuka dan bertoleransi serta bersikap gagah dan berani. Kehidupan rakyat sentiasa bersemangat tinggi dan bertenaga. Ciri-ciri kehidupan dan penduduk selatan Vietnam semuanya terkumpul di Hatien”.* (潘, 2006, hlm. 87).

Sumbangan dan jasa Mac Thien Tich kepada Hatien memang cukup besar. Sebagai pemerintah di Hatien, beliau telah berjaya menjadikan Hatien sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa yang terkenal dan maju. Sementara sebagai seorang penyajak, Mac Thien Tich telah menghasilkan banyak sajak yang berkualiti tinggi pada abad ke-18, malah beliau telah menjemput guru untuk mengajar ajaran Konfucius kepada rakyatnya untuk meningkatkan tahap intelektual mereka. Impaknya ialah Hatien menjadi sebuah pusat intelektual yang berkembang maju dan terkenal di kalangan rakyat selatan Vietnam dan China.

Menjelang awal tahun 1771, kerjaya Mac Thien Tich semakin hari semakin kukuh dan berkembang pesat. Akan tetapi seorang bekas tentera yang bernama Pham Lam bersama 800 orang pengikutnya serta 15 buah perahu telah memasuki dan menyerang Hatien. Namun pemberontakan tersebut dapat dipatahkan oleh pasukan tentera Mac Thien Tich (Thuy, 2000, hlm. 10).

Keadaan Hatien menjadi huru-hara semula apabila raja Siam yang bernama Trinh Quoc Anh menyerang Hatien pada tahun 1771. Akibatnya Mac Thien Tich terpaksa melarikan diri. Namun atas hubungan baik antara Siam dengan pemerintah Nguyen di selatan Vietnam, raja Siam melayan Mac Thien Tich dengan baik. Akan tetapi, Tay Son yang bimbang Siam akan memberi bantuan kepada kerajaan Nguyen di selatan Vietnam telah menghantar surat kepada raja Siam untuk menganiayai Mac Thien Tich dengan menyatakan bahawa Mac Thien Tich akan menyerang Siam. Mac Thien Tich ditangkap.

Akhirnya Mac Thien Tich meminum racun dan meninggal dunia pada tahun 1780. Niat Tay Son memang jelas iaitu ingin menghapuskan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam bagi menyatukan Vietnam. Dalam hal ini, ramai orang Cina berhijrah ke Cholon kerana diusir keluar dari Hatien oleh raja Siam (Long, hlm. 190).

## **Rumusan**

Dasar keterbukaan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam telah mendorong ramai orang Cina berhijrah ke Hatien untuk mencari perlindungan politik dan seterusnya memulakan lembaran hidup baru di negara baru. Matlamat kerajaan Nguyen untuk meluaskan tanah jajahannya di selatan Vietnam tercapai dengan menggunakan orang Cina di Hatien sebagai sumber tenaga tentera dan sumber kewangan untuk menentang kerajaan Trinh di utara Vietnam. Walaupun Hatien dianggap sebagai tanah jajahan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam, namun kerajaan Nguyen tidak pernah campur tangan dalam sistem pemerintahan di Hatien. Mac Cuu dan Mac Thien Tich diberi kuasa sepenuhnya untuk mentadbir Hatien. Maka kedudukan Mac Cuu dan Mac Thien Tich boleh diibaratkan sebagai "raja kecil" di Hatien.

Kecekapan pentadbiran Mac Cuu dan Mac Thien Tich di Hatien pada abad ke-17 hingga abad ke-18 telah mengukuhkan kedudukan Hatien dalam politik dan ekonomi maritim Asia Tenggara. Hal ini jelas kelihatan terutamanya semasa pemerintahan Mac Thien Tich. Beliau mewujudkan hubungan yang erat dengan pelbagai lapisan masyarakat Guangdong di China semasa dinasti Qing. Tindakan beliau telah mendapat pengakuan daripada kerajaan Qing dan seterusnya mempertingkatkan kedudukan Hatien di peringkat antarabangsa.

Kejayaan pemerintah Nguyen untuk meluaskan kuasanya di selatan Vietnam banyak dibantu oleh Mac Cuu dan Mac Thien Tich di Hatien. Zaman kemuncak perluasan kuasa pemerintah Nguyen ke selatan Vietnam adalah pada zaman pemerintahan Nguyen Phuc Tran (1687-1691) dan Nguyen Phuc Chu (1691-1725). Ini adalah kerana pada zaman ini, para pemerintah Nguyen berjaya meluaskan tanah jajahannya dari Phan Rang (Kini digelar sebagai Binh Thuan) sehingga ke kawasan sempadan sungai Bassac. Pada tahun 1711, pemerintah Nguyen Phuc Chu meluaskan kuasanya di Hatien yang merupakan tanah jajahan Kambojia. Kejayaan ini telah membolehkan pemerintah Nguyen menguasai Teluk Siam. Pada tahun 1730an, kerajaan Nguyen meluaskan kuasanya ke bahagian barat Gia Dinh. Tanah jajahan kerajaan Nguyen diperluaskan lagi pada tahun 1757 apabila Mac Thien Tich menghadiahkan lima kawasan di selatan Kambojia kepada pemerintah Nguyen Phuc Khoat (1738-

1765). Sehingga pada tahun 1770an, hampir keseluruhan selatan Kambodia jatuh ke dalam tangan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam.

Sumbangan orang Cina dalam usaha membantu perluasan kuasa politik kerajaan Nguyen amat dihargai oleh para pemerintah Nguyen di selatan Vietnam. Hal ini terbukti di mana sumbangan Mac Cuu dan Mac Thien Tich tercatat dalam penulisan sejarah Vietnam yang masyhur iaitu *Dai Nam Liet Truyen Tien Bien* yang ditulis oleh keturunan Nguyen (Baoyun, 1992, hlm.171). Selain itu, tokong keluarga Mac telah didirikan di Hatien untuk memperingati jasa dan sumbangan Mac Cuu dan anak beliau Mac Thien Tich terhadap kemajuan Hatien.

## References

- Anh, N. T. (2002). *Hoa Kieu Va Su Dinh Dan Tai Vung Dong Bang Song Cuu Long. Nghien Cuu Hue, Tap Bon, 106*. Trung Tam Nghien Cuu Hue. (Nguyen The Anh (2002). Orang Cina Seberang Laut di Dataran Mekong. *Kajian Hue, IV, 106*.
- Baoyun, Y. (1992). *Contribution a l'histoire de la principaute des Nguyen au Vietnam meridional, 1600-1775*. Geneve: Editions Olizane.
- Boudet, M. P. (1942). *La Conquête de la Cochinchine par les Nguyễn et le Rôle des émigrés Chinois. Bulletin de l'Ecole française d'Extrême-Orient, 42(1), 115-132*.
- Chingho, C. (1974). *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*. Southern Illinois University: Center for Vietnamese Studies.
- Dossier. (1978). *The Hoa in Vietnam*. Hanoi : Foreign Language Publishing House.
- Hai, C. (1981). *Vai Net Ve Su Di Dan Cua Nguoi Hoa Dong Nam A Va Cac To Chuc Cong Dong Xa Hoi Cua Ho*. (Orang Cina dan Persatuan Orang Cina di Asia Tenggara). *Su Hoc* (Pengajian Sejarah), *II, 1976-1990*.
- Hai, C. (1992). *Cac Nhom Cong Dong Nguoi Hoa O Viet Nam* (Kumpulan Komuniti Cina di Vietnam). Vietnam : Penerbit Sains Sosial).
- Ho, D. (2006). *Ha Tien Tap Canh* (Sepuluh Pemandangan di Hatien) . Bandar Ho Chi Minh : Penerbit Seni.
- Khanh, T. (1993). *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ky, L. N. (1963). *The Chinese in Vietnam: A Study of Vietnamese-Chinese Relations with Special Attention to Period 1862-1961*. University Microfilms, Inc.

- Lien, T. H. (2007). *Van Hoa Nguoi Hoa O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Budaya Orang Cina di Bandar Ho Chi Minh). Hanoi: Penerbit Sains Sosial.
- Long, N. A. *Nguoi Hoa Voi Vung Dat Sai Gon-Gia Dinh. An Tuong Sai Gon – Thanh Pho Ho Chi Minh*((Orang Cina dan Saigon-Gia Dinh. Saigon-Bandar Ho Chi Minh Yang Mengkagumkan). Bandar Ho Chi Minh: Penerbit Muda.
- Morice, A. (1997). *People and Wildlife in and around Saigon (1872-1873)* (Diterjemah oleh Walter E.J. Tips.). Thailand: White Lotus Press.
- SarDesai, D. R. (1992). *Vietnam: The Struggle for National Identity*. Boulder: Westview Press, Inc.
- Thuy, N. C. (2000). *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo: Tu The Ky XVII Den Nam 1945* ((Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam, dari Abad ke-17 hingga Tahun 1945). Hanoi : Penerbit Sains Sosial.
- Wong, T. K. D. (2003). *The Nguyen Lords of Southern Vietnam : Their Foreign Relations, 1558-1776*, PhD Thesis. University of Malaya.
- Xinh, N. T. H. (1997). *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Nguoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Guangdong di Bandar Ho Chi Minh). Bandar Ho Chi Minh : Pusat Sains Sosial dan Kemanusiaan Negara.
- 安南河仙十咏 (Sepuluh Pemandangan di Hatien Annam). n.d..
- 陈荆和 (1956). 河仙镇叶镇郑氏家谱注释 (Penerangan Genealogi Keluarga Mac di Hatien). *文学史哲学报* (Laporan Sejarah Sastera), 6. .
- 大汕 (2000). 余思黎点校, *海外纪事* (Rokod Negara Seberang Laut) . Beijing:Beijing Zhong Hua Shu Ju.
- 河仙镇叶镇郑氏家谱 (Genealogi Keluarga Mac di Hatien). n.d.
- 李庆新 (2010). 鄭玖与河仙政权 (港口国) (Mac Cuu and the Power of Hatien [International Port]). *Chinese Southern Diaspora Studies*, 4).
- 李庆新 (2013). 鄭氏河仙政权(“港口国”)与 18 世纪中南半岛局势. (Kuasa Politik Mac dan Keadaan Semenanjung pada Abad ke-18). Guangzhou: Ji Nan Xue Bao-Zhe Xue She Hui Ke Xue Ban.
- 潘安 (2006). *越南南部华人文化考究*, (Kajian Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam).Saigon: Saigon Liberal Press.
- 郑懷德 (Trich, H. D.) (n.d.). *嘉定城通志* (Gia Dinh Thanh Thong Chi- Sejarah Gia Dinh). 3.
- 许文堂(2001).*越南, 中国与台湾关系的转变* (Perubahan Hubungan antara Vietnam, China dan Taiwan). Taipei : Pelan Kajian Pusat Kajian Asia Tenggara.